

06 AUG 1999

Mahathir-Anwar

SETAHUN YANG LEPAS BEGITU MENARIK BAGI SAYA, KATA MAHATHIR

SIBU, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri berkata tempoh setahun yang lepas sejak beliau memecat bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatannya kerana salah laku seksual adalah "amat menarik" baginya.

"Ia merupakan satu proses pembelajaran bagi saya. Saya telah belajar semua mengenai kewangan, ekonomi, dan mengenai bagaimana untuk menangani penyangak pedagang matawang," katanya kepada pemberita di sini sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas lawatan dua hari ke Sarawak.

Selepas pemecatan Anwar, yang juga ketika itu menteri kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil alih sebagai Menteri Kewangan Pertama dan melantik Datuk Mustapa Mohamed sebagai Menteri Kewangan Kedua.

Pada Januari, beliau melantik Tun Daim Zainuddin mengambil alih sebagai Menteri Kewangan Pertama.

Dr Mahathir ketika itu paling lantang mengkritik pedagang matawang antarabangsa George Soros yang beliau katakan orang yang paling bertanggungjawab terhadap kejatuhan nilai matawang yang membawa kepada kebanyakan negara Asia dilanda krisis ekonomi.

Beliau juga telah memperkenalkan beberapa langkah untuk memerangi urusniaga spekulatif ringgit selain mengehadkan jumlahnya yang boleh dibawa keluar negara.

Semasa menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau percaya bahawa beliau telah menguruskan (ekonomi negara) dengan baik.

"Kita belum lagi jatuh tetapi penyangak pedagang matawang telah pun jatuh dan orang kini menyumpah mereka dan bukan saya," katanya.

-- BERNAMA

ESS RON